

2 prosiding berprofil tinggi diketahui hari ini

Kuala Lumpur: Dua prosiding mahkamah berprofil tinggi berkaitan permohonan kerajaan menanggung bayaran ganti rugi lebih RM37 juta kepada keluarga Pastor Raymond Koh serta rayuan Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung kes kedaulatan Batu Puteh akan diketahui hari ini.

Semakan mendapati, Mahkamah Rayuan akan mendengar rayuan bekas Perdana Menteri itu agar beliau dan peguamnya dibenar menghadiri prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Dr Mahathir merayu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Amarjeet Singh pada 13 Januari 2025 yang menolak semakan kehakiman untuk beliau hadir pada prosiding berkenaan.

Pada prosiding terdahulu, beliau yang diwakili peguam, Zainur Zakaria dan Muhammad Rafique Rashid Ali, manakala Kerajaan Persekutuan selaku responden dihadiri Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhasan dan Nur Hafizza Azizan.

Untuk rekod pada 5 Jun 2024, Dr Mahathir memfailkan permohonan kebenaran semakan kehakiman supaya prosiding RCI dijalankan secara terbuka dan

dalam afidavit sokongan mendakwa, keputusan RCI untuk tidak mengadakan prosiding secara terbuka kepada orang awam tidak munasabah.

Hari ini juga, Mahkamah Tinggi akan membuat keputusan terhadap permohonan kerajaan bagi menanggung pelaksanaan bayaran ganti rugi lebih RM37 juta kepada keluarga Koh.

Pada 22 Januari lalu, Hakim, Mahazan Mat Taib, menetapkan hari ini untuk mengumumkan



Dr Mahathir Mohamad

keputusannya selepas mendengar hujah Peguam Kanan Persekutuan, Nurul Farhana Khalid, bagi pihak kerajaan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta peguam, Datuk Jerald Gomez, bagi pihak isteri Koh, Susanna Liew Sow Yoke.

Dalam hujahnya, Nurul Farhana memberitahu mahkamah, defendan tidak menolak untuk membuat bayaran itu tetapi hanya memohon penangguhan semen-

tara menunggu pendengaran rayuan mereka terhadap penghakiman itu di Mahkamah Rayuan.

Sementara itu, dua lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bergelar Datuk dijangka didakwa atas tuduhan berkaitan rasuah minggu ini.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata kertas siasatan sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

Katanya, maklum balas berkenaan pertuduhan akan diperoleh daripada Jabatan Peguam Negara dalam masa terdekat.